

## **Pasaran Saham Global Bersedia Hadapi Tahun Mudah Ubah Keran Kebimbangan Sekitar Pasartan Baharu Muncul**

**Bernamea**

**15 Mac, 2014**

**Oleh Tengku Noor Shamsiah Tengku Abdullah**

SINGAPURA, 15 Mac (Bernama) -- Berikutan kebimbangan yang melanda beberapa pasaran pesat membangun - terutama China dan Ukraine - 2014 sudah pun mencorakkan tahun turun naik saham, kata Dr Shane Oliver, Ketua Strategi Pelaburan dan Ketua Ekonomi AMP Capital Investors Ltd.

Secara lebih meluas, beliau mengunjurkan pelabur pasaran saham wajar membenarkan pembetulan 10 hingga 15 peratus sepanjang tahun ini dan pulangan agak berkurangan berbanding dua tahun lalu.

"Bagaimanapun, hala tuju dalam pasaran saham agak cerah, menggambarkan gabungan penilaian wajar, pendapatan lebih baik berikutan pertumbuhan ekonomi membanggakan dan kedudukan monetari yang mudah yang membantu memikat pelabur untuk bertukar daripada tunai dan bon kepada saham," katanya dalam penilaian mingguannya mengenai pasaran dan ekonomi.

Oliver berkata penurunan hasil bon global baru-baru ini seharusnya dilihat sebagai satu pembetulan hasil daripada trend pulangan yang meningkat perlahan dengan hasil semakin meningkat berikutan pertumbuhan global yang mulai pulih.

Ini bermakna kurang hasil daripada bon kerajaan. Tunai dan deposit bank pula akan terus menawarkan pulangan yang lemah.

Oliver berpendapat kebimbangan sejak minggu lalu terhadap pertumbuhan ekonomi China dan ketegangan di Ukraine menjelang pungutan suara di Crimea, menurunkan harga saham dan komoditi industri ketika bon meraih keuntungan sebagai sandaran yang selamat.

Sepanjang minggu lalu, saham US susut ua dua peratus, saham Jepun merosot 6.2 peratus, saham China turun 2.6 peratus dan saham Australia susut 2.4 peratus.

"Mengenai Ukraine saya yakin penyelesaian dengan US dan Eropah pula tidak mahu terlibat lebih jauh.

"Malah kini nampaknya keadaan mungkin bertambah rumit sebelum ia reda. Besar kemungkinan penduduk Crimea memilih untuk bercantum dengan Rusia, jadi kini apa yang perlu ialah reaksi Rusia," kata beliau.

Jika Rusia menggunakannya sebagai bahan tawar menawar dalam rundingan, krisis itu mungkin

kendur atau sebaliknya menambah ketegangan dengan tindak balas dalam bentuk sekatan dagangan.

Sekatan perdagangan tidak akan mendatangkan kesan terhadap US tetapi boleh menggugat sedikit pertumbuhan di zon Euro.

Ketegangan dengan tentera Ukraine di Crimea selepas pungutan suara dan di timur Ukraine berisiko meluaskan krisis itu'

Jadi jelas Ukraine akan tetap menjadi satu ancaman untuk pasaran pelaburan buat seketika.

Oliver juga menarik perhatian data ekonomi China yang membimbangkan.

Eksport Januari-Februari, pengeluaran industri, jualan runcit, pelancaran pelaburan dan projek perumahan juga tidak seperti diunjurkan dan pertumbuhan kredit turut bergerak sederhana.

Jelas bahawa usaha mengurangkan pertumbuhan kredit sedang mendatangkan impak.

Apa yang pasti jika pertumbuhan China susut kepada separuh, akan mendatangkan impak negatif ke seluruh dunia.

Kini pun hala tuju pertumbuhan China terus menurun sejak empat tahun, cuma dunia semakin dapat menyesuaikan diri dengan keadaan berkenaan. Apatah lagi memandangkan ekonomi China adalah dua kali lebih besar seperti pada 2007, pertumbuhan tujuh peratus hari ini adalah sama seperti aktiviti ekonomi 13 peratus.

Namun pertumbuhan ekonomi China yang bergerak perlahan ketika bekalan komoditi semakin meningkat, bermakna harga komoditi tidak akan melonjak cepat hingga mencetuskan masalah kepada US, Eropah dan Jepun.

Akhirnya, kata Oliver, walaupun data China terganggu akibat sambutan Tahun Baru China, pertumbuhan ekonominya yang perlahan sebenarnya membuat ia mudah dikawal.

"Dan pihak berkuasa China mempunyai banyak pilihan untuk menyokong pertumbuhan jika ia susut di bawah tujuh peratus. Ini mungkin melibatkan potongan dalam nisbah simpanan bank dan langkah merangsang perbelanjaan pengguna," katanya.

-- BERNAMA

Copyright © 2014 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=1022189>